

# Penilaian baru prestasi kokurikulum

PUTRAJAYA 22 Jan. – Kementerian Pelajaran hari ini mengumumkan penilaian prestasi kokurikulum pelajar kini dibuat berasaskan kepada dua bidang terbaik daripada tiga bidang yang mereka sertai pada setiap tahun persekolahan.

Tiga bidang tersebut ialah pasukan badan beruniform, persatuan/kelab dan sukan/permainan.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ini berikutan kerajaan menetapkan semula dasar 10 peratus markah kokurikulum bagi kemasukan calon ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bermula sesi pengambilan 2006/07.

“Ini bermakna prestasi calon dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menyumbang 90 peratus daripada markah keseluruhan yang dipertimbangkan bagi kemasukan ke IPTA selepas tamat tingkatan lima dan enam,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan yang dikeluarkan bersama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed di sini, hari ini.

Hishammuddin menjelaskan, dalam tiga bidang kokurikulum itu, empat aspek diberi penilaian mengikut peratusan iaitu kehadiran sebanyak 50 peratus, penglibatan (20 peratus), pencapaian (20 peratus) dan jawatan (10 peratus).

Katanya, penilaian turut dibuat berdasarkan kepada penyertaan pelajar di peringkat sekolah, daerah, bahagian, zon, negeri, kebangsaan atau antarabangsa.

“Prestasi yang dicapai dalam acara yang disertai iaitu johan, naib johan atau ketiga akan turut dijadikan ukuran penilaian,” katanya.

Menurutnya, dasar pengambilan ke IPTA itu turut diguna pakai bagi calon-calon berkeperluan khas tetapi kumpulan tersebut diperibadikan dalam kalangan mereka khusus untuk ke IPTA.

UUM - 23/1/2007  
Hishammuddin menambah, bagi pelaksanaan tahun 2007, rakaman prestasi kokurikulum pelajar yang sedia ada akan disesuaikan dengan konsep dan format yang diperkenalkan.

Beliau berkata, sekurang-kurangnya rekod dua tahun prestasi pelajar dapat dijadikan sebagai asas pengiraan markah 10 peratus kokurikulum bagi permohonan pengambilan ke IPTA sesi 2007/08.

“Kehadiran pelajar dalam kegiatan kokurikulum ditentukan berjumlah 42 kali setahun dengan peruntukan 18 kali bagi pasukan badan beruniform, 12 kali kegiatan persatuan atau kelab dan 12 kali kegiatan sukan atau permainan,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan setiap sekolah meningkatkan tahap pengurusan bagi membahayakan semua pelajar terlibat dalam kegiatan kokurikulum secara lebih teratur dan berkesan.

Tambah bahu, dasar tersebut telah dikendalikan oleh Kementerian Pengajian

Tinggi tetapi mulai pengambilan tahun 2007/08, penyelarasan diberikan kepada Kementerian Pelajaran.

Pelajar yang terpilih menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada pengajian tahun ini, katanya, akan dinilai berasaskan kepada dua bidang terbaik daripada empat bidang yang mereka sertai semasa menyertai PLKN.

Justeru, jelasnya, sistem pengurusan markah kokurikulum itu hendaklah diguna pakai oleh semua institusi pendidikan di bawah Kementerian termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), sekolah agama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, sekolah agama kerajaan negeri dan sekolah persendirian.

Hishammuddin berkata, keseragaman pengurusan penilaian markah kokurikulum oleh semua institusi pendidikan menengah itu akan memberi kesan kepada kecekapan dan kemantapan pelaksanaan dasar.